

Dr M tegur ahli abai kuasa parti

BH 15 MAR 1985

KANGAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas ahli-ahli Umno yang mengeneppikan kuasa-kuasa parti dengan merujuk kepada mahkamah untuk menyelesaikan masalah mereka.

Beliau mensifatkan mereka sebagai golongan yang memertingkatkan diri sendiri dan lupa kepada perjuangan asal Umno.

Perdana Menteri berucap di majlis perjumpaan dengan ahli-ahli Umno Perlis di Rumah Tetamu di sini, petang ini.

Katanya, golongan itu tidak mahu merujuk kepada mesyuarat agung parti, Umno Bahagian atau Majlis Tertinggi Umno (MT) apabila menghadapi

masalah di cawangan masing-masing.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, tindakan merujuk kepada mahkamah hanya memberi kesan yang buruk kepada parti kerana ia boleh menyebabkan perpecahan dalam parti.

Masalah

Beliau menegaskan, memanglah seseorang ahli Umno itu mempunyai hak sebagai warganegara untuk menggunakan undang-undang bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

"Tetapi tindakan mahkamah hanya memberi kesan buruk kepada parti kerana ia menunjukkan ahli berkenaan memertingkatkan diri sendiri daripada parti," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir, juga kesal kerana dalam hal ini orang asing digunakan untuk mendapatkan nasihat bagi menyelesaikan masalah Umno.

"Orang ini juga sanggup mengambil peguam-peguam daripada parti pembangkang untuk membawa kes-kes mereka ke mahkamah untuk diselesaikan," tambahnya.

Beliau mengingatkan bahawa parti pembangkang sudah tentu bertindak memberi nasihat dengan tujuan memecahbelahkan Umno.

Perdana Menteri memberi amaran, jika keadaan ini berlaku, maka timbullah pelbagai masalah untuk menyusun semula parti itu, dan dalam usaha itu akan ada

orang yang mengambil kesempatan mendapatkan tempat dan kedudukan.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, tindakan merujuk kepada mahkamah tidak pernah berlaku dalam Umno di masa lampau, tetapi masalah itu sekarang kerap berlaku bila ada ahli merasa tidak puas hati.

Menyusun

"Ini hanya menunjukkan bahawa ahli Umno itu sudah lupa kepada perjuangan parti," tambahnya.

Katanya, perjuangan ahli Umno sama ada di peringkat cawangan, bahagian atau negeri, telah mencapai kejayaan hasil perjuangan parti dan bukan diri sendiri, cawangan atau bahagian.

Mengenai golongan yang mencampuradukkan politik dan agama, Datuk Seri Dr Mahathir, menasihatkan rakyat supaya sentiasa berwaspada dan tidak terpengaruh dengan tafsiran golongan itu.

Tegasnya, ahli-ahli Umno perlu bersatu padu untuk menghadapi golongan itu yang sentiasa berusaha memecahbelahkan rakyat dengan menggunakan agama sehingga boleh mengancam akidah orang-orang Islam.